



RISALAH / FLYER PENGELUARAN HAJI

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012 telah memperkenalkan inisiatif *Pengeluaran Haji* kepada ahli KWSP untuk membuat pengeluaran simpanan dari Akaun 2 untuk menunaikan ibadah Haji.
- 1.2 *Pengeluaran Haji* bertujuan menampung perbelanjaan asas mengerjakan Haji dan bukan keseluruhan kos perbelanjaan Haji. Rasionalnya, untuk memastikan pengeluaran yang dibuat tidak menjejaskan simpanan persaraan ahli.

2.0 SYARAT-SYARAT PENGELUARAN

- 2.1 Ahli KWSP yang layak adalah seperti berikut :
 - i) Ahli KWSP berumur **kurang 55 tahun** dan telah menerima **surat tawaran berstatus 'TERPILIH'** untuk mengerjakan Haji daripada Lembaga Tabung Haji (LTH);
 - ii) Ahli **belum cukup simpanan** di LTH bagi tujuan mengerjakan Haji;
 - iii) Kelayakan Amaun Pengeluaran :

Perbezaan jumlah kos Haji dengan baki simpanan akaun LTH ahli tertakluk kepada amaun maksimum RM3,000.00 **ATAU** baki Akaun 2 (mengikut mana yang lebih rendah);
 - iv) Bayaran pengeluaran **dibayar secara terus ke akaun ahli di LTH;**
 - v) Kelayakan pengeluaran **sekali sahaja; DAN**
 - vi) Pengembalian amaun pengeluaran :
 - (a) Sekiranya ahli **membatalkan/menangguhkan** pemergian Haji, ahli perlu mengembalikan semula amaun pengeluaran kepada KWSP dan tindakan pemulihan akaun akan dibuat.
 - (b) Sekiranya berlaku **kematian** ahli selepas pengeluaran dibuat, waris ahli tidak perlu mengembalikan amaun tersebut kerana telah menjadi harta pusaka dan tuntutan oleh waris tertakluk kepada prosedur semasa LTH.
- 2.2 Kos mengerjakan Haji yang ditetapkan oleh LTH bergantung kepada kos sebenar mengikut musim Haji. Sebagai contoh, anggaran kos yang perlu dibiayai sendiri oleh bakal Haji bagi musim Haji 1434H (2013M) adalah RM9,980. Sementara itu, Jemaah Haji adalah bakal Haji yang berdaftar dengan LTH dan telah menerima surat tawaran berstatus 'TERPILIH' daripada LTH.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Ahli **perlu hadir** di mana-mana kaunter cawangan KWSP dengan membawa dokumen-dokumen **asal** berikut :
 - i) Kad Pengenalan Diri (MyKad/MyPR/KP Polis/KP Tentera)
 - ii) Surat tawaran berstatus 'TERPILIH' daripada LTH; **DAN**
 - iii) Buku akaun simpanan ahli di LTH (yang telah dikemaskini dalam tempoh 6 bulan)
- 3.2 Ahli tidak perlu mengisi borang permohonan. Bagaimanapun, ahli diminta menurunkan Cap Ibu Jari di atas 'Notis Pengesahan Permohonan Pengeluaran' sebagai bukti mengemukakan permohonan.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Kemudahan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2013**.

5.0 RUJUKAN DAN PERTANYAAN

Sebarang kemusykilan atau pertanyaan, sila hubungi Pusat Pengurusan Panggilan KWSP di talian **03-89226000**.